

BAB III

ISI KANDUNGAN

BAB II.

DAKWAH ISLAM DAN SEJARAH PERKEMBANGAN PENYEBARANNYA DI KELANTAN.

- 2.1 Dakwah Dan Penyebaran Islam.
 - 2.1.1 Definisi Dakwah.
 - 2.1.2 Sasaran Dakwah
 - 2.1.3 Strategi Dakwah Dan Penyebaran Islam.
 - 2.1.4 Objektif Penyebaran.
 - 2.1.5 Metod Penyebaran.
- 2.2 Sejarah Perkembangan Islam di Nusantara dan Tanah Melayu (Malaysia).
 - 2.2.1 Peranan Kerajaan Dalam Penyebaran Islam.
- 2.3 Islam Di Kelantan.
 - 2.3.1 Sejarah Awal Kelantan.
 - 2.3.2 Sejarah Kemasukan Islam Di Kelantan
 - 2.3.3 Pendidikan Islam Di Kelantan Dan Tokoh-Tokoh Ulama'nya.
- 2.4 Sejarah Penyebaran Islam Di Kelantan
- 2.5 Pengaruh Islam Di Kalangan Masyarakat Kelantan.

BAB II.

DAKWAH ISLAM DAN SEJARAH PERKEMBANGAN PENYEBARANNYA DI KELANTAN.

2.1 Dakwah dan Penyebaran Islam.

Pada umumnya dakwah merupakan satu konsep yang dalam dan luas. Ia tidak dapat ditentukan dengan hanya satu cara pendekatan malah ia bergantung kepada institusi atau badan yang mengerakkan usaha dakwah tersebut. Dakwah dalam Islam adalah satu tugas yang sangat besar peranannya. Tugas dakwah ialah menyampaikan dan menyebarluaskan ajaran agama dan kandungannya kepada orang lain dengan tujuan terakhir membawa mereka mengenal *al-Khaliq* dan mengabdikan hidup kepadaNya bagi menjamin kesejahteraan dunia dan akhirat. Atas sifat agama Islam adalah risalah Allah yang terakhir untuk ummat manusia maka tanggungjawab dakwah atau berdakwah tidak hanya di zaman Rasulullah, tetapi berterusan hingga dunia ini kiamat.

2.1.1 Definisi Dakwah.

i) Ta'arif Menurut Bahasa.

Pengertian “dakwah” merupakan kata ambilan daripada perkataan Arab “dakwah” (دَعْوَةٌ). Dari segi bahasa “dakwah” adalah singular dan pluralnya ialah “da’awat” iaitu kata nama yang diambil dari kata kerja “da’a” dan masdar (infinitive

noun) du'a (دعاء) dan da'wa (دعوى). Secara umumnya kata dakwah membawa pengertian, ajakan dan panggilan.

Mengikut pengertian ahli bahasa, perkataan dakwah mengikut pecahannya antara lain membawa maksud *isti'anah* (minta tolong), *istighasah* (minta bantuan) dan *al-su'al* (meminta). Namun makna-makna dan pengertian dakwah yang paling tepat ialah:

Pertama : Membawa makna kalimah as-shayahadah dan tauhid yang mengajak ahli-ahli agama kafir. Firman Allah Ta'ala (*Surah ar-Ra'd: 14*):

"لَهُ دُعْوَةُ الْحَقِّ"

bermaksud: "Kuasa menerima ibadah yang sebenar adalah tertentu bagi Allah juga"

Kata al-Zujjaj : "Terdapat di dalam al-Tafsir : Ianya membawa maksud syahadah : Tiada Tuhan melainkan Allah. Jelasnya dengan pengertian kalimah syahadah ini dan terkandung di dalamnya pemahaman tentang iktikad (al-i'tikad), pengucapan (al-qaul) dan perbuatan (al-'amal).

kedua: Membawa makna seruan (nfida'), minta (talab) dan galakan (hasthu). Di antaranya firman Allah s.w.t:

"إِنَّمَا دُعَاكُم مِّنَ الْأَرْضِ إِذَا أَنْتُمْ تَخْرُجُونَ"

(*Surah ar-Rom: 25*)

Bermaksud : "Apabila ia menyeru kamu dengan satu seruan (supaya kamu bangkit hidup semula) dari bumi, kamu dengan serta merta keluar (dari kubur masing-masing)."

Secara terperinci terdapat banyak ayat-ayat dalam al-Qur'an al-Karim membicarakan mengenai dakwah berdasarkan pengertian di atas, antaranya terdapat 153 ayat yang diturunkan di Mekah dan 47 ayat lagi diturunkan di Madinah.¹

ii) Ta'arif Menurut Istilah

Ramai dari kalangan Ulama' mempercatakan mengenai ta'arif dakwah dan dakwah islamiah. Menurut mereka da'wah bukan sekadar mengajak kalangan manusia sejagat menerima Islam malah dakwah itu lebih dekat kepada mempraktikkan dan menghayati segala cabang ilmu yang ada dalam Islam.²

Ta'arif dakwah dari segi istilah menurut **Ibn Taimiyah**: Dakwah kepada Allah ialah mengajak manusia beriman kepadaNya dan dengan apa yang dibawa oleh Rasul-Rasul dengan membenarkan apa yang diberitakan oleh mereka. Dakwah merangkumi mengucap dua kalimah syahadah mengerjakan sembahyang,

¹Dr. Mohammad Abdul Maula Jum'ah, (1993), **ad-Da'wah al-Islamiyah ba'da asri an-Nubuwah**, Gizah, Mesir, hal. 2

²Mufid Khalid Ahmad Aid, (1995), **Alaqah Baina Al-Fiqh Wa Ad-Da'wah**, Maktabah Dar al-Bayan, Kuwait, hal 28.

menunaikan Zakat, Puasa Ramadhan, beriman kepada Allah, Malaikat, kitab-kitab Rasul-Rasul dan Hari Bangkit.³

Dakwah menurut *Adam Abdullah al-Alauri* ialah: Memalingkan pandangan dan akal manusia kepada akidah yang memberi faedah dan kemaslahatan kepada mereka.⁴

Manakala *Abd. Rauf Shalabi* menta'arifkan dakwah ialah: Gerakan menghidupkan peraturan Ilahi yang diturunkan oleh Allah keatas Nabi terakhir iaitu Muhammad s.a.w.⁵

Muhammad al-Ghazali pula menta'arifkan dakwah ialah: Program yang lengkap sempurna merangkumi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia sejagat untuk memperlihatkan kepada mereka tujuan kehidupan dan membuka kepada mereka segala pertunjuk.⁶

³Ibn Taimiyah, (tt), **Majmu' al-Fatawa**, Tauzi' ar-Ri'asah al-A'mah li-Idarat al-Buhuth al-Ilmiyah Wal-Ifta' Wa-Dakwah Wal-Irsyad, Riyadh, Saudiah, hal 157.

⁴Adam Abdullah Alauri, (1979), **Tarikh ad-Dakwah Ila-llah Bainal Amsi Wal Yaumi**, Maktabah Wahbah, Kaherah, Jld 2, hal 12.

⁵Li Abd. Rauf Shalabi, (1981), **Ad-Dakwatul Islamiah Fi Ahdil Makki Minhajuha Wa Ghayatuha**, Dar al-Qalam, Kuwait, Jld 2, hal 32.

⁶Li Muhammad al-Ghazali, (1989), **Ma'a Allah, Dirasat Fi ad-Dakwah Wa ad-Du'ah**, Dar al-Qalam, Beirut, hal 17.

Dari sudut lain pula dakwah Islam menurut istilah ialah: "Menyampaikan Islam kepada manusia, mengajarkannya dan melaksanakan dalam realiti hidup ".⁷

Berdasarkan kepada beberapa ta'arif dakwah yang diberikan oleh Ulama'-Ulama' menurut istilah, dapat disimpulkan bahawa dakwah bukan sekadar mengajak satu-satu kaum menerima Islam, malah ia juga mengajak manusia kearah kebaikan mengubah diri, menghayati dan mempraktikkan segala apa yang terkandung dalam Islam kerana apa yang terkandung dalam Islam merupakan pendidikan dan pengajaran kepada manusia sejagat.

iii) Hukum Dakwah.

Dalam kita membincangkan tentang dakwah dan perkembangannya dalam era semasa, perlu juga dipersoalkan. Apakah hukum tugasan dakwah kepada individu muslim ?

Menurut pandangan dan pendapat ulama' dalam menentukan hukum dakwah, bahawa mereka bersepakat mengatakan dakwah adalah wajib kepada setiap individu muslim. Walaupun begitu mereka berselisih pendapat dalam menentukan jenis kewajipan dalam berdakwah sama ada ia fardu *ain* ataupun fardu *kifayah*.

⁷Muhamad Abu al-Fath al-Bayanuni, (1995), **al-Madkhāl Ilā Ilmī ad-Dakwah**, Mu'assasah ar-Riṣalah, Beirut, hal 17.

i) Pendapat Ulama' yang meletakkan dakwah fardua'in ialah berdasarkan kepada pengunaan lafaz (من) dalam firman Allah:

"ولتكن منكم أمة يدعون إلى الخير، ويأمرون بالمعروف وينهون عن المنكر، وأولئك

"هم المفلحون"

(Surah al-Imran: 104)

Penggunaan (من) di sini ialah bagi "Lil-Bayan" bukan untuk "Lil-Tab'id", ini menjelaskan bahawa dakwah ditujukan kepada semua orang yang telah mukallaf, maka dengan ini dakwah adalah wajib keatas setiap individu muslim dengan kadar yang termampu.

ii) Pendapat Ulama' yang mengatakan dakwah adalah *fardu kifayah*

berasaskan kepada ayat yang sama dalam firman Allah:

"ولتكن منكم أمة.....الآية"

Penggunaan (من) dalam ayat ini adalah "Lil-Tab'id" bukan "Lil-Bayan". Ini kerana urusan menyeru kepada kebaikan dan menegah daripada kemungkaran adalah satu amalan yang memerlukan kepada ilmu dan pengetahuan dengan syarat-syarat dan keadaan tertentu. Perkara ini tidak dimiliki oleh semua orang Islam, maka kewajipan hanya kepada orang yang memiliki perkara tersebut. Apabila kewajipan dakwah ini

dilakukan oleh orang yang memiliki syarat-syarat tersebut maka akan gugurlah dosa orang yang selainnya.⁸

2.1.2 Sasaran Dakwah.

Dalam membicarakan berhubung dengan Dakwah Islamiah perlu dilihat bahawa Dakwah Islamiah sebenarnya mempunyai matlamat atau sasaran untuk direalisasikan seperti mana yang dituntut dan dikehendaki oleh Allah subhanahuwata'ala.

Dakwah Islam adalah satu gerakan menyeluruh iaitu mengajak sekalian manusia agar menerima dan menghayati Islam dalam pengertian Islam yang sebenar dengan segala apa yang terkandung dalam ajarannya. Dalam konteks ini Dakwah Islam tidak mengategorikan kumpulan-kumpulan tertentu sebagai sasaran dakwah malah sasaran Dakwah Islam ialah mengajak manusia lain yang bukan Islam agar menerima Islam dan mendidik mereka kearah memahami Islam dengan sempurna dan menghayatinya dalam kehidupan sehari-hari.

Dalam hubungan memenuhi sasaran ini, strategi yang harus digunakan oleh ummat Islam ialah memastikan penganut pelbagai agama menukar pegangan atau iktikad mereka kepada menerima akidah Islam atau sedia menerima Islam dari sudut sistem dan kepimpinan. Bukan Islam yang hanya menerima Islam dari sudut kepimpinan dan sistem dikenali sebagai ahli *zimmi*. Dalam hal ini membuktikan

⁸Ibid, hal 32.

bahawa Islam tidak memaksa bukan Islam menerima Islam. Sehubungan ini Allah berfirman:

"لَا أَكْرَاهُ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَن يَكْفُرُ بِالظَّاغُوتِ وَيَوْمَنْ بِاللَّهِ فَقَدْ اسْتَعْسَكَ"

"بِالْعُرُوهِ الْوَقِيِّ لِنَفْصَامِ هَارِ وَاللَّهُ سَمِيعُ الْعَلَيْمِ"

(*Surah al-Baqarah*: 256)

Maksudnya: *Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur) oleh itu sesipa yang tidak percayakan Thaghut dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegan kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus dan (ingatlah) Allah amat mendengar lagi amat mengetahui.*

Dalam ayat ini menjelaskan bahawa *Allah subhanahuwataala* tidak memaksa mana-mana individu atau kumpulan orang kafir memeluk agama Islam atau dengan kata lain berakidah kepada Allah yang satu. Walaupun begitu para pendakwah harus melihat kesediaan bukan Islam menerima Islam dari sudut sistem kearah mempertingkatkan dakwahnya agar penerima Islam dari sudut sistem tersebut bersedia menerima Islam dari sudut akidah kamudiannya.

Sirah Rasulullah s.a.w juga membuktikan perkara ini di mana masyarakat awal yang belum Islam di bawah pemerintahan Islam diseru supaya menerima Islam

jika tidak mereka wajib membayar jizyah sebagai jaminan keselamatan nyawa dan harta mereka di bawah pentadbiran Islam.

Dakwah Islam juga merupakan gerakan menyeru manusia kepada satu akidah, satu kiblat dengan bersyahadah dan berikrar kan Tuhan Yang Esa, Tuhan sekalian langit dan bumi, Tuhan sekalian timur dan barat. Justeru itu tidak timbul lagi golongan ini golongan Barat dan golongan ini golongan Timur, sebagaimana Allah s.w.t tegaskan di dalam al-Quran:

"إِنَّ الْحُكْمَ لِوَهْدِ رَبِّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ الْمَشَارِقِ"

(Surah as-Saafat: 4-5)

Maksudnya: Sesungguhnya Tuhan kamu hanyalah satu. Tuhan yang mencipta serta mentadbirkan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya dan yang mengatur tempat-tempat terbit matahari di timur.

Dakwah juga menerangkan bahawa manusia itu berasal dari kejadian yang satu dan sama dari segi biologinya. Ini adalah kerana semuanya berasal daripada zuriat ibu dan bapa yang sama. Kerana itu terikatlah ikatan persaudaraan universal melalui berkenal-kenalan, berkomunikasi dan silaturahim, tanpa mengira bangsa, suku kaum dan sebagainya. Bagaimanapun, penilaian yang buruk terhadap seseorang itu terletak di atas kebaikan neraca nilai di sisi Allah s.w.t iaitu amalan. Oleh itu al-Quran menegaskan:

"يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا

"وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسْأَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا"

(Surah an-Nisa': 1)

Maksudnya: *Wahai sekalian manusia bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu(bermula) dari diri yang satu (Adam) dan menjadikan daripadanya (Adam) pasangan (Hawa) dan juga membiakkan dari kedua-duanya lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang selalu kamu minta sesuatu dengan menyebut-nyebut namaNya. Serta peliharalah hubungan silaturrahim kerana sesungguhnya Allah senantiasa memerhati kamu".*

Dakwah Islamiah secara abadi menyeru supaya menghormati seluruh manusia, menyusun pembangunan, menyebarkan kebajikan dan menjamin kebahagiaan melalui akidah tauhid. Penekanan yang diberikan oleh pendakwah ini akan meletakkan manusia sebagai sebuah masyarakat majmuk yang padu dikenali sebagai umat Islam, bukannya bangsa Islam atau bangsa Arab, Pakistan, Melayu, Iran dan sebagainya, tetapi meliputi seluruh bangsa di dunia ini tanpa mengira Cina, India, Inggeris, Perancis, Jerman dan sebagainya. Melalui penerangan-penerangan dakwah inilah masyarakat akan mengetahui segala kebaikan Islam yang menjamin keutuhan manusia.

Dalam pada itu perkembangan Islam di Malaysia melalui penyebaran dakwah islamiah adalah salah satu cara untuk mewujudkan satu masyarakat di bawah bendera Islam sebagai penyatuan bagi semua bangsa. Masyarakat Orang Asli yang menjadi sasaran dakwah adalah diketogorikan mereka sekarang ini dalam kelompok kafir *Mu'amanun*, yang tiada permusuhan dengan orang Islam. Mereka adalah sebuah masyarakat yang terikat di bawah perlembagaan negara sebagai sebuah negara Islam.

2.1.3 Strategi Dakwah dan Penyebaran Islam.

Proses menjalankan usaha dakwah hendaklah dilakukan dengan gerak kerja yang tersusun serta perancangan yang penuh teliti. Strategi dan gerak-kerja dalam penyebaran dakwah adalah suatu usaha yang menuntut segala persediaan dan pengorbanan para *da'ie* atau mereka yang terlibat di dalamnya. Para pendakwah dan institusi-institusi yang berperanan menjalankan dakwah perlu menggunakan pelbagai pendekatan (approach) yang selaras dengan tuntutan Islam itu sendiri. Kaedah-kaedah dan pendekatan pendidikan moden seperti pedagogi, psikologi, motivasi dan kaunseling, sosiologi, dan antrapologi sewajarnyalah diguna dan dimanfaatkan dalam usaha menarik dan mendekatkan masyarakat manusia kepada Islam.

Dakwah Islamiah adalah risalah yang bertujuan untuk megubah jiwa dan masyarakat manusia supaya mentauhidkan Allah, melaksanakan ibadat dan berakhhlak mulia serta berkasih sayang antara satu sama lain yang terangkum keperluan-keperluan *akliah* (mental), *makrifah* (cognitive), *ruhiyyah* (spiritual), *jasadiyyah* (fizikal), *madiyyah* (material) dan sebagainya.

Dengan ini sumber dan inspirasi penafsiran ulama Islam terhadap jiwa dan mayarakat Islam tidak lain daripada apa yang telah menjadi tanggungjawab dan kewajiban mereka memahami, mendalami, menghayati serta menyampaikan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah yang dikembangkan melalui penghayatan dan kebebasan 'ubudiyyah dan berpandukan *Nur Hidayah Ilahiyyah*.⁹

Jelasnya usaha dakwah perlu diaplikasi dengan penyesuaian terhadap tuntutan Islam selaku agama yang terbaik. Telah dimaklumi tugas dakwah yang berupa menyampaikan dan mengajak manusia ke arah kebenaran merupakan satu kontinuiti tugas para Rasul, Nabi-nabi, ulama dan seluruh ummat Islam.

Ditinjau dari sudut sirah, betapa Rasulullah s.a.w telah menunjukkan contoh yang paling baik untuk diikuti dan diteladani . Ini jelas dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam al-Qur'an al-Karim yang berbunyi :

"لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ"

(Surah al-Ahzab: 21)

Maksudnya:

"Sesungguhnya pada Rasulullah itu terdapat sebagai ikutan yang terbaik".

⁹ Sidi Ghazalba dan Zainab Ismail, op.cit, hal.100

Berdasarkan kefahaman ayat di atas dapatlah disimpulkan bahawa para *da'ie* perlulah mencontohi setiap gerak perlakuan, keperibadian dan tutur kata Rasulullah s.a.w dalam setiap gerak kehidupan hariannya. Berasaskan ini membuktikan para *da'ie* hendaklah mempersediakan diri dengan pengetahuan Islam secukupnya, penghayatan yang sempurna untuk menjadi ikutan dan role model kepada golongan sasaran dakwah.

Dalam berdakwah Rasulullah s.a.w banyak menggunakan pendekatan seperti sifat kasih sayang. Pernah diriwayatkan dalam satu kisah bagaimana sikap Rasulullah s.a.w dalam melayani seorang Badwi Arab yang telah membuang air kecil dalam sebuah masjid, maka orang ramai bangun untuk memukulnya,¹⁰ maka Rasulullah s.a.w bersabda:

"دُعْوَةٌ وَارِيقُوا عَلَى بُولِهِ سَجْلاً مِنْ مَاءٍ فَانِّا بَعْثَمْ مِسْرِينْ وَلَمْ تَبْعَثُوا مَعْسِرِينْ".

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abi Hurairah).¹¹

Terjemahan: "Lepaskan dia dan bersihkan air kencingnya itu dengan setimba air. Kamu dihantar untuk menyenangkan dan bukan untuk menyusahkan mereka".

Dalam riwayat lain pula yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, Allah S.W.T telah menawarkan untuk membalas perbuatan penduduk Taif yang mengejek dan membaling batu kepada Rasulullah s.a.w, dengan menghantar Malaikat untuk

¹⁰Ahmad Mahmud Abu Zaid, (1996), **Pendakwah Masa Kini - Sikap Dan Pendekatan**, Ter: Usamah b. Hussein, YADIM, Kuala Lumpur, hal 93

¹¹Abu Abdillah Muhammad b. Ismail al-Bukhari, (tt), **Sahih al-Bukhari Bi Hasiah as-Sind**, Dar Ahya' al-Kutub, Jld 2.

meruntuhkan bukit tersebut ke atas penduduk Taif, namun Rasulullah s.a.w yang amat penyayang dan mengambil berat akan umat-umatnya menolak tawaran para Malaikat dengan menjawab tawaran itu dengan bersumpah sabdanya:

.....ان لم يكن بك غضب على فلا ابالي ولكن هي عافيةك أوسع لي(اخ)¹²

Kenyataan sumpahan Rasulullah s.a.w ini bahawa, sekiranya tidak ada kemarahan daripada Allah, nescaya Rasulullah tidak perduli dan menerima tawaran para Malaikat untuk menjatuhkan bukit keatas kaum di Taif, namun Rasulullah masih bersabar dan mengharapkan jalan yang baik daripada Allah adalah lebih baik baginya.

Melalui kisah ini jelaslah sikap lemah lembut dan kasih sayang yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w dalam berdakwah.

2.1.4 Objektif Penyebaran.

Dalam memperkatakan tentang dakwah atau penyebaran Islam kepada masyarakat manusia, sebenarnya usaha ini mempunyai matlamat agar apa yang dicitakan akan tercapai. Apapun yang jelas dalam hal ini usaha penyebaran Islam adalah untuk menegakkan agama Allah dan ingin melihat ianya kekal dan tersebar di muka bumi. Islam sebagai satu agama ditegakkan di atas kebenaran dan keaslian ilmu, memberi satu keyakinan dan mampu diamalkan oleh semua insan. Perkembangan kebenaran ilmu-ilmu Islam, adalah merupakan teras kemajuan dan

¹²Li Abi al-Fida' al-Hafiz Ibn Kathir ad-Damsyiki, (1987), **Bidayah Wa an-Nihayah**, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, hal 133, Jld 2.

nadi kepada kehidupan di dalam semua bidang. Dasar ilmiah dakwah islamiah sebenarnya merupakan kenyataan yang diturunkan melalui wahyu Ilahi dan penafsiran akal yang waras, jernih dan jiwa/roh yang tenang.

Meneliti perkembangan Islam pada *marhalah* awalnya, usaha menarik dan mendekatkan sasaran dilakukan dengan penuh bijaksana dan berhikmah. Mengkaji dan meneliti kaedah dakwah yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w, umumnya dapatlah dinyatakan bahawa kaedah-kaedah mendekati masyarakat perlulah berkesesuaian dan seiring taraf pemikiran dan daya intelektual sasaran tersebut.

Melalui wahyu Ilahi penyebaran dakwah Islam dapat difahami berobjektifkan untuk menyelaras dan menyatukan semua bangsa dalam satu agama berasaskan akidah tauhid. Penyelarasan kepada semua bangsa itulah memerlukan persiapan diri dengan ilmu-ilmu yang mantap, sakhsiah dan keperibadian yang teguh serta iman yang kukuh. Ia merupakan satu kemestian yang tidak dapat dielakkan. Kepelbagaiannya kaedah dan teknik dalam penyampaian dakwah juga merupakan satu tuntutan. Ini kerana, sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa manusia mempunyai pelbagai peringkat dan golongan.

Objektif lain penyebaran dakwah islamiah juga adalah untuk mengajak manusia mentauhidkan Allah s.w.t serta menjadikan Islam sebagai pegangan kehidupan. Kenyataan ini perlu dibawa dengan jelas dan tidak kabur kerana ia merupakan matlamat dan tujuan asal dakwah agar ia tidak tersasar dari yang sebenarnya.

Ita juga merupakan pembebasan jiwa manusia dari segala bentuk belenggu yang mengikat mereka dari segala bentuk budaya dan kepercayaan sebelum kedatangan Islam, seperti pembebasan dari segala bentuk penindasan dan perhambaan kepada selain Allah. Sebelum kedatangan Islam; manusia hidup di bawah penindasan. Orang yang kuat menguasai yang lemah, kaum bangsawan memperbudakkan rakyat bawahan dan manusia diperjual-belikan laksana benda.¹³ Kedatangan dakwah Islam sekaligus merupakan obor kemerdekaan bagi masyarakat-masyarakat tersebut.

Dakwah Islamiah juga merupakan pembebasan daripada kemiskinan. Islam memberi tentangan yang hebat kepada situasi ini kerana keadaan kemiskinan selain daripada membinasakan manusia, ianya akan menghilangkan rasa harga diri, menjadikan seseorang hidup apatis dan pesimis.¹⁴

Dakwah Islamiyah juga adalah membebaskan manusia dari kebekuan (jumud) pemikiran yang hanya berpegang kepada ajaran dan kepercayaan nenek moyang tanpa menyelidiki alasan dan dalil. Tidaklah diragukan kebekuan sebegini merupakan salah

¹³ Prof. Mohamad Mustafa Atha, (1982), **Da'watu Tahririyatil Kubra**, Terj. Drs. H.M. Asywadie Syukur L C, Surabaya, hal. 105.

¹⁴ Ibid, hal. 112.

satu bentuk daripada kecelaruan mental bahkan termasuk dalam corak yang paling jelek.¹⁵

2.1.5 Metod Dakwah.

Dalam gerakkerja penyebaran Islam di kalangan masyarakat yang bukan Islam sama ada mereka yang belum mengenali Islam ataupun yang sudah mengenali Islam, terikat dengan kriteria yang tertentu untuk menarik mereka agar mengakui bahawa agama Islam adalah agama yang betul bagi mereka. Berasaskan ini, pendakwah perlu mentafsirkan pendekatan yang terbaik untuk menarik manusia. Ini berdasarkan kepada ayat yang telah disebut oleh Allah s.a.w dalam al-Quran, sebagaimana firmanNya:

"ادع الى سبيل ربك بالحكمة والوعظة الحسنة وجادهم بالتي هي احسن، ان ربك هو اعلم من ضل عن سبيله، وهو اعلم بالمهتدین."
(Surah an-Nahl: 125)

Bermaksud: Serulah kejalan Tuhan mu(wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka(yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya tuhanmu, dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang sesat dari jalannya, dan dia juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk.

¹⁵Ibid, hal. 118.

Meneliti kepada ayat ini, terdapat dengan jelas beberapa bentuk metode yang telah digariskan untuk digunakan oleh para pendakwah dalam menarik masyarakat-masyarakat lain kepada Islam. Metode ini jugalah telah digunakan dan telah mendatangkan kejayaan kepada Nabi-nabi terdahulu dalam berdakwah kepada kaum masing-masing seiring menurut kehendak Allah s.a.w. Perkara pertama sekali disebut dalam ayat tersebut ialah dengan *al-Hikmah*.

Islam mengajar umatnya berdakwah atau menyebarkan Islam dengan cara *hikmah* atau bijaksana. Ini menjelaskan kepada kita bahawa setiap pendakwah mesti menggunakan kebijaksanaan dalam menarik masyarakat yang telah Islam lebih mendekati dan menghayati Islam atau yang bukan Islam supaya mereka memahami dan menerima Islam. Dalam hal ini, kebijaksanaan juga perlu ada pada pendakwah untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat agar apa yang disampaikan tidak menjadi kejutan kepada mereka dan boleh diterima dengan baik.

Sayyid Qutub seorang pendakwah yang terkenal pernah menyebut dalam kitabnya dengan lebih halusi lagi perkara-perkara metode yang telah digariskan oleh Allah s.a.w dalam al-Quran. Antara lain beliau menghuraikan *al-Hikmah* perlu kepada pemerhatian tiga perkara utama sebagaimana berikut:

1. Persekitaran sosial dan taraf kemasyarakatan orang atau masyarakat yang menjadi sasaran dakwah
2. Standard bahan dan material dakwah yang akan disampaikan kepada sasaran dakwah.

3. Pendekatan yang sesuai dan munasabah, dengan menggunakan pelbagai cara dan metode yang dapat membangkitkan semangat mereka sehingga isi dakwah yang dikemukakan dapat diterima dengan hati dan fikiran yang terbuka.¹⁶

Cara kedua sebagai asas yang diletakkan oleh Islam dalam berdakwah ialah “*Mauizah al-Hasanah*” iaitu melalui nasihat yang baik. Metode ini biasanya digunakan kepada masyarakat yang telah memeluk Islam, walaupun begitu tidak ketinggalan masyarakat yang belum Islam. Cara ini adalah untuk mencegah mereka dari melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Islam dengan cara menggunakan nasihat yang baik agar masyarakat tahu kelembutan Islam dalam berdakwah.

Metode *Mauizah hasanah*, menurut Sayyid Qutub memerlukan perkara-perkara di bawah ini:

1. Pertuturan yang lembut dan mengoda sehingga pendengarnya mudah terpesona dan tertarik hati untuk menerimanya.
2. Menjauhi sikap bongkak dan membangga diri, apatah lagi bersikap kasar atau berperilaku kurang sopan.
3. Menghindari kata-kata sindiran yang boleh menodai harga diri dan kehormatan orang yang diberi nasihat, walaupun perbuatan itu jelas berlaku.

Ini mungkin kerana ia menyedarinya atau tersilap faham.¹⁷

¹⁶Sayyid Qutub, (1987), *Fi Zilal al-Qur'an*, Dar as-Syuruq, Beirut, hal 2202

¹⁷Ibid.

Metode yang ketiga ialah metode diskusi atau *Mujadalah al-Husna*. Penghayatan metode ini terikat dengan etika yang perlu diberi keutamaan, terutama dakwah kepada masyarakat yang baru ingin mengenali Islam seperti “*ahl-dzimmah*”, *ahl al-hudnah*, *ahl-aman* dan juga orang-orang yang tidak boleh diperangi dengan mata pedang.¹⁸

Bila menghayati Sirah para Rasul s.a.w, diskusi dapat dilihat sebagai sumber utama dalam kehidupan mereka, malah mereka membina qaya pemikiran yang baik dalam melaksanakan metode ini. Mereka menggunakan ini bagi membalas hujjah-hujjah lawan dengan baik agar apa yang disampaikan tidak disalah tafsir oleh masyarakat jahiliah. Begitu juga dengan pendakwah masa kini, apabila menggunakan metode ini pemantapan pemikiran adalah perlu untuk memenuhi konsep hujah lawan hujah dan pertembungan idea lawan idea. Sebagaimana firman Allah:

”فَإِنَّمَا الْرِّبْدَ فِي ذَهَبٍ حَفَاءٌ، وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيُمْكَثُ فِي الْأَرْضِ“

(Surah ar-Ra'adu: 17)

Maksudnya: Maka adapun buih, ia akan pergi lenyap . Dan adapun perkara yang memberikan manfaat kepada manusia ia akan tetap kekal di muka bumi.

Metode inilah yang membekalkan pendakwah contoh teladan yang baik dan role model yang perlu diikuti. Metode diskusi yang baik ini akan terus kekal sebagai ikutan dan *uslub (gaya)* yang terpilih.

¹⁸Dr. Muhammad Talat Abu Sher, (1986), Op cit, hal 267.

Metode diskusi adalah satu metode amali untuk mencapai matlamat tersebut, kerana ianya tidak menjatuhkan maruah dan kemuliaan atau harga diri, tidak menyebabkan pihak lawan merasa bahawa dia tewas, dapat menggambarkan imej pendakwah sebagai penasihat yang benar dan amanah, di samping golongan sasaran dapat bersama-sama secara berterusan berjalan di atas jalan yang benar.¹⁹

Al-Quran menyeru supaya pendakwah menghiasi diri dengan sifat diskusi yang baik dalam setiap perkara. Tidak syak lagi apabila seseorang pendakwah beriltizam dengan metode yang dianjurkan oleh al-Quran ini, hati manusia akan mengerumuninya dan akan menghilangkan rasa tidak senang dalam hati manusia.²⁰

Firman Allah dalam al-Quran:

"وَلَا تُسْتَوِي الْحَسْنَةُ وَلَا السَّيْئَةُ ، ادْفِعْ بِالْأَيْمَنِ هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي يَبْنِيكَ وَبِيْنَهُ عَدُوًّا

"كأنه ولی حبیم"

(Surah Fushilat: 34)

Maksudnya: *Dan kebijakan itu tidak sama dengan kejahatan. Tolaklah (Kejahatan) dengan cara mujadalah yang lebih baik. (Nescaya engkau akan dapati) tiba-tiba orang yang mempunyai permusuhan dengan mu akan berubah menjadi seolah-olah seorang sahabat akrab.*

¹⁹ Muhammad Husein Fadhlullah, (1972), *Uslub al-Da'wah Fi al-Quran*, Dar al-Zahra', Beirut, hal 55.

²⁰ Muhammad Talat Abu Sher, Op cit, hal 266.

Manhaj (kaedah) diskusi yang baik sangat diperlukan dalam apa jua bentuk dakwah sama ada permulaan atau untuk menerangkan kebenaran dan menghapuskan kesangsian dihati manusia.

Antara diskusi yang baik dapat dipetik dari kisah Nabi Nuh (a.s) di mana beliau telah menampakkan kejayaan berpandukan kepada metode ini.

Firman Allah :

"**قَالُوا يَنْوِحُ قَدْ جَدَلْنَا فَأَكْرَبْتَ جَدَلَنَا فَأَنَا عَا تَعْدَنَا إِنْ كُنْتَ مِنَ الصَّادِقِينَ**"

(Surah Hud: 32)

Maksudnya: Mereka (iaitu kaum Nuh) berkata: Wahai Nuh !

sesungguhnya engkau telah berdebat dengan kami, lalu engkau memperbanyakkan perdebatan terhadap kami, maka datangkan kepada kami dengan apa yang engkau janjikan kepada kami jika benar engkau dari kalangan orang-orang yang benar.

Melalui penelitian yang dapat disimpulkan dalam ayat di atas jelas sekali bagaimana kaum Nuh merasai kegelisahan kesan dari diskusi yang dilakukan oleh Nabi Nuh(a.s). Dari segi natijahnya, memang Nabi Nuh tidak mampu menarik ramai kaum baginda memeluk agama Allah s.w.t, sehingga sebahagian anak baginda sendiri enggan menurut nasihat baginda. Namun ia tidak sedikit pun menjaskan kredibiliti *jadah* (berdebat) sebagai metode dakwah terutamanya terhadap golongan yang ingkar dan sempit dada.

Dalam hal ini pihak yang menggunakan kaedah diskusi tetap terjaga walaupun pada peringkat awal mereka menghadapi tanggapan sinis dari golongan yang didakwah, namun oleh kerana kebaikan yang ditunjukkan dengan cara diskusi telah meletakkan mereka antara golongan yang dihormati malah disanjungi.

Sayyid Qutub juga menyebut dalam kitabnya *Fi Zilal al-Quran* bahawa *Mujadalah al-Husna* memerlukan kepada perkara berikut:

1. Tidak merendahkan pihak yang diajak berbincang, apa lagi menodai harga dirinya, sehingga ia merasa yakin bahawa tujuan perbincangan bukannya mencari kemenangan dalam berhujah, tetapi bertujuan untuk mencari kebenaran yang patut difahami.
2. Matlamat perbincangan adalah semata-mata menunjukkan kebenaran yang sudah sedia menjadi fitrah kepada semua umat manusia, iaitu kebenaran Islam
3. Tetap menyatakan penghargaan kepada yang diajak berbincang, sebab harga diri setiap manusia adalah suatu yang sangat mahal dalam kehidupannya. Dalam perbincangan tidak sepatutnya menimbulkan rasa kalah menang di antara semua pihak, malah sepatutnya ditimbulkan rasa manfaat yang bernilai dalam perbincangan itu.²¹

2.2 Sejarah Perkembangan Islam di Nusantara dan Tanah Melayu (Malaysia).

Istilah Nusantara dalam konteks ini sebagaimana yang disebut dalam tajuk adalah lebih dikhurasukan kepada rantau gugusan kepulauan Melayu atau di kenali

²¹Ibid, hal 267.

juga dengan nama Alam Melayu yang mengandungi Semenanjung Tanah Melayu, Pulau Sumatera, Jawa, Borneo, Sulawesi, Maluku dan Filipina.²²

Penyelidikan disertasi ini secara khususnya akan tertumpu kepada perkembangan Islam di Kelantan iaitu satu negeri di semenanjung Tanah Melayu, walaupun begitu penyelidik juga akan menyentuh secara sepintas lalu mengenai perkembangan Islam di Nusantara dan di Malaysia.

Menurut para pengkaji sejarah, hubungan negara Arab dan Asia Tenggara telah berlaku sebelum lahirnya dakwah islamiah. Ini terbukti dengan penggunaan kapur barus oleh masyarakat Arab jahiliyah untuk memelihara mayat-mayat *Firaun* dari busuk dan rusak. Oleh kerana itu maka kapur barus merupakan satu barang perniagaan yang penting dan berharga tinggi. Oleh sebab itu pelabuhan Barus adalah salahsatu pelabuhan yang selalu dikunjungi oleh kapal-kapal perniagaan²³ Arab khususnya dari pedagang Arab Selatan(Yaman), kamudian membawa untuk perniagaan di Syam, Egypt dan lain-lain.

Hubungan ini berterusan di zaman Rasulullah s.a.w melalui pedagang-pedagang Arab yang datang berniaga mereka ini adalah terdiri dari pedagang yang telah memeluk Islam dan mendapat didikan Rasulullah S.A.W. Mereka inilah yang telah menyebarkan Islam kepada penduduk di Asia Tenggara. Fakta ini dapat

²² Mohd Jamil Mukmin, (1994), *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*, Nurin Interprise, Kuala Lumpur, hal 3.

²³ Prof. Madya Dr. Wan Hussein Azmi, (1981), *Islam Di Aceh Masuk Dan Berkembangnya Hingga Abad XVI*, Kumpulan Prasaran Pada Seminar Di Aceh, hal 183.

dibuktikan dengan penggunaan Kapur Barus²⁴ ketika memandikan puteri Baginda yang telah wafat atas permintaan Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Jama'ah dari Ummu Athiyyah, sebagaimana beliau bersabda bererti: "Rasulullah S.A.W masuk menemui kami ketika meninggalnya puterinya, maka sabdanya: "Mandikanlah ia tiga atau lima kali atau jika kalian anggap perlu, lebih banyak lagi, dengan air dan bidara dan terakhir campurlah dengan Kapur Barus atau sedikit dari Kapur Barus. Jika selesai beritahukanlah kepada saya." Setelah selesai, kami sampaikan kepada Nabi, maka diserahkannya kepada kami kain sarungnya, serta sabdanya: "Lilitkanlah ke badannya".

Berdasarkan kepada anjuran Rasulullah S.A.W supaya menggunakan Kapur Barus dalam pemandian mayat, ianya menjadi antara faktor yang mendorong pedagang Arab-Islam itu mengekalkan hubungan dagangnya dengan wilayah di Nusantara.

Nusantara sebelum kedatangan Islam adalah di bawah pengaruh agama Hindu-Buddha. Penduduk-penduduk di rantau ini beragama Hindu dan Buddha, selain dari menganut kepercayaan animisme.²⁵

Menurut catatan sejarah, ada tiga teori tentang kedatangan Islam ke Alam Melayu. Teori-teori berikut ialah:

²⁴Kapur Barus adalah bahan yang dicampurkan dalam air untuk memandikan mayat dan dikatakan bahan ini merupakan barang dagangan dari Asia Tenggara selain bunga cengklik dan rempah.

²⁵Ismail Hamid, (1985), **Peradaban Melayu dan Islam**, Fajar Bakti Sdn. Bhd. Petaling Jaya, hal 15.

- 1) Datang secara langsung dari negara Arab. Alasannya ialah kerana Muslim Alam Melayu berpegang dengan Mazhab Syafi'i yang lahir di Semenanjung Tanah Arab.
- 2) Datang dari India. Alasannya ialah ada perhubungan perniagaan yang teguh antara India dengan gugusan pulau-pulau Melayu.
- 3) Datang dari China. Teori ini dikemukakan oleh Emanuel Godinho de Eradie seorang scientist Spanyol yang menulis tahun 1613 M. Katanya "Sesungguhnya aqidah Muhammad telah diterima di Patani dan Pam di Pantai Timur.....kamudian di terima dan diperkembangkan oleh Permaicuri (iaitu Parameswara di tahun 1411 M.)

Berasaskan kepada rangkaian perjalanan pedagang-pedagang Arab dari Semenanjung Tanah Arab ke Gugusan Pulau-pulau Melayu khususnya dan Asia Tenggara umumnya melalui lautan India dan juga lautan China Selatan dapat disimpulkan bahawa kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu adalah secara langsung dari negara Arab.²⁶ Kenyataan Emanuel di atas membuktikan Pattani di selatan Thailand antara kawasan terawal menerima Islam di samping Pantai Barat dan Timur Sumatera. Dari sinilah dikembangkan ke Melaka kamudiannya.

Bilakah lahirnya dakwah islamiah di Alam Melayu? Ada sandaran-sandaran yang kuat menunjukkan dakwah islamiah mulai lahir di Alam Melayu dalam lingkungan tahun 630 M. Antara alasan-alasan itu ialah:

²⁶ Prof. Madya Dr. Wan Hussein Azmi, Op cit, hal 180.

- 1) Saudagar-saudagar Arab Selatan Semenanjung Tanah Arab yang berulang -alik ke Alam Melayu ramai di antara mereka itu telah memeluk Islam di tahun 630 M/ 9 H, kerana di tahun ini seluruh kabilah-kabilah Arab menghantar rombongan menemui Rasulullah s.a.w di Madinah, antara rombongan itu termasuk rombongan dari Yaman dan Hadharamaut, dan angota rombongan itu telah memeluk Islam.
- 2) Islam di tahun 630 M/ 9 H. berkembang luas di Selatan Semenanjung Tanah Arab sehingga Nabi s.a.w. menghantar sahabatnya Mu'az Ibn Jabal ke Yaman untuk mengajar al-Quran dan hukum-hakam agama.
- 3) Ajaran Islam sendiri mewajibkan ke atas Muslimin menyebarkan dakwah islamiah, ertinya menyebarkan dakwah islamiah adalah satu dari kewajipan agama.
- 4) Zaman Nabi s.a.w. ialah zaman kebersihan iman, dan perlumbaan Muslimin umumnya menyebarkan dakwah islamiah untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t.
- 5) Terdapat dari laporan tua China mengatakan ada sebuah kearajaan yang bernama Ta Shi/Ta Chi di Gugusan Pulau-pulau Melayu, dan kerajaan ini telah mengikat perhubungan diplomatik dengan negeri China dari tahun 630 M. hingga tahun 655 M. dan Ta Shi/Ta Chi ialah nama yang diberi oleh orang-orang Islam gugusan pulau-pulau Melayu di Pertengahan abad ke VII M.

Kesimpulan yang dapat dibuat dari alasan-alasan di atas ialah dakwah islamiah telah tiba di Alam Melayu di sekitar tahun 630 M. iaitu di zaman hidup Nabi Muhammad s.a.w atau di pertengahan abad ke VII M. Hakikat ini diakui oleh

“Seminar Sejarah Masuk Islam Ke Indonesia” yang telah di adakan di Medan, Indonesia tahun 1963 M.²⁷

Di Semenanjung Tanah Melayu pula, mengikut beberapa bukti sejarah, nampaknya agama Islam telah datang dan bertapak di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu lebih awal dari di Melaka iaitu di antara abad ke-12 dan ke-14 Masihi.²⁸ Pendapat ini dapat dibuktikan dengan penemuan Batu Bersurat di Kuala Berang, Terengganu. Menurut analisa ahli sejarah, tarikh yang tercatat di Batu Bersurat itu ialah 702 H./ 1303 M.²⁹ Batu Bersurat itu merupakan rekod sejarah mengenai pertapakan Islam di Malaysia. Batu Bersurat ini juga ada menyebut nama Tuhan dengan panggilan “Dewata Yang Mulia raja” dengan tulisan bahasa Melayu(Jawi) gaya khat nasakh.³⁰

Keterangan itu menunjukkan bahawa penduduk Terengganu telah menganut agama Islam lebih awal satu kurun daripada penyebaran Islam di Melaka. Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa Pantai Timur Semenanjung Malaysia menerima Islam lebih awal daripada Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Tentang keawalan Pantai Timur menerima Islam boleh dilihat dalam sejarah Patani.³¹

²⁷Ibid, hal 179.

²⁸Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, (1985), **Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan - Dalam Warisan Kelantan IV**, PMNK, Kota Bharu, hal. 96.

²⁹Syed Muhammad Naquib Al-Attas, (1970), **The Correct Dated of The Terengganu Inscription**, Muzium Negara, Edisi Pertama Kuala Lumpur, hal 7.

³⁰Josslein De Jong, (1964), **Agama Islam Di Gugusan Pulau-Pulau Melayu**, ter: Abdullah Hussin, Universiti Oxford Press, Kuala Lumpur, hal 83.

³¹Abdullah Jusuh, (1990), **Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia**, DBP, Kuala Lumpur, hal xvii.

Walaupun begitu, Kelantan juga boleh di ketogorikan antara negeri yang terawal menerima Kemasukan Agama Islam. Ini berdasarkan kepada penemuan beberapa bukti terutamanya duit syiling yang bertarikh 577 H / 1181 M.. Kebanyakan sejarawan Eropah dan Asia telah mengakui bahawa terdapat sebuah kerajaan tertua di semenanjung Malaysia yang dikenali dengan Langkasuka. Berdasarkan catatan sejarah dan kajian sejarawan, kebanyakannya mereka membuat tangggapan bahawa kerajaan Langkasuka terletak Kg. Patani.³² Negeri Patani dipercayai menerima Islam pada abad ke 10 M. dan kemasukan Islam di Kelantan dikaitkan dengan akibat kemasukan Islam ke Patani. Ini menjelaskan bahawa dari segi tarikh yang tercatat pada duit syiling menunjukkan Kelantan adalah negeri yang terawal menerima kemasukan Islam di semenanjung Malaysia. Kenyataan ini juga membuktikan hubungan Patani dan Kelantan beberapa nama tempat di Kelantan adalah berasal dari kalimah Siam seperti Bacok bererti Rumah/ Kampung Persinggahan, Besut bererti Rumah/ Kg. Akhir atau penyudah.

Malaysia adalah sebuah negara yang terbentuk daripada tiga bahagia utama iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Negeri-negeri ini merupakan gugusan kepulauan Melayu.³³ Ianya terletak di tenggara Asia, mempunyai hubungan serta berkait rapat dengan sejarah perkembangan Islam serantau. Negara Malaysia terbentuk dari dua belas buah negeri di Semenanjung dan dua negeri di Kepulauan

³²Nathir M., (1976), **Patani Negara Langkasuka**, Majalah Dian, Syarikat Dian Sdn. Bhd., Kota Baru, Ogos, hal 16.

³³Siti Zuraina Ab. Majid, Mohd. Yusoff Hashim, (1992), **Pembinaan Bangsa dan Negara Malaysia Yang Berdaulat-Dalam Sejarah Malaysia- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah**, DBP, Kuala Lumpur, hal. 120.

Borneo. Ianya mempunyai ciri-ciri tersendiri yang melambangkan tentang kewujudan Malaysia di atas peta dunia memberi sumbangan yang penting kepada perkembangan sejarah.

Kedudukan Malaysia apabila dikaitkan dengan proses perkembangan Islam, juga tidak terlepas dari peranannya sebagai negara yang telah lama menerima Islam terutama melalui beberapa buah negeri seperti Kedah, Kelantan, Terengganu dan Melaka. Bermula dari sinilah telah menjadikan Malaysia sebuah negara terpenting dalam era perkembangan Islam di Nusantara mahupun Alam Melayu.

2.2.1 Peranan Kerajaan Dalam Penyebaran Islam.

Kedatangan Islam ke Alam Melayu bukan sahaja menandakan kelahiran zaman baru bahkan permulaan suatu zaman moden di rantau ini. Zaman pengaruh peradaban Hindu - Buddha berlalu apabila pengaruh peradaban Islam berkembang di daerah Nusantara. Islam membawa suatu perubahan yang total dari segi intelektual dan struktur masyarakat, walaupun J.C Van Leur berpendapat bahawa perubahan yang dilahirkan oleh Islam sebagai lanjutan perubahan yang sudah ada. Demikian juga R.O Winstedt dan Snouck Hungronje melihat Islam sebagai selayang pandang tanpa menyelami hakikat Islam sebenar. Mereka menyamakan penerimaan Islam oleh penduduk-penduduk Nusantara dengan penerimaan mereka terhadap agama Hindu.³⁴

³⁴ Abdullah Jusuh, Op cit, hal 123.

Dalam konteks ini, Melayu yang berada di Malaysia memainkan peranan yang penting kepada perkembangan Islam di Malaysia, tumpuk pemerintahan Malaysia yang telah di kuasai oleh masyarakat Melayu Islam telah meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara. Perkembangan Islam di Malaysia menampakkan satu fenomena yang ketara dalam tahun 1970an. Menurut Muhammad Bakar, kebangkitan atau perkembangan Islam ini boleh dilihat dari tujuh perspektif :

1. Peningkatan kesedaran tentang keagongan masa lepas yang diwujudkan oleh penambahan pengetahuan ataupun pemahaman baru tentang zaman tersebut.
2. Perubahan sikap atau orientasi terhadap Islam sebagai agama sehingga membawa kepada perluasan fahaman tentang Islam sebagai satu cara hidup dengan pandangan dunia dan visinya yang tersendiri.
3. Penambahan amalan dalam kehidupan beragama samada di peringkat peribadi atau sosial yang membawa kepada pemupukan syariah dan syiar Islam.
4. Pembaikan perjalanan kehidupan lama dan semasa yang menyimpang dari landasan agama supaya sejajar dengan tuntutan keislaman.
5. Penggilapan dan pemurnian fikiran dan perlakuan Islam yang sedia ada dan sedang berkembang agar ia memenuhi kehendak idealnya.
6. Pembongkaran khazanah Islam terutama sekali warisan ilmunya bagi memperolehi bahan dan garis panduan dalam menempuh persoalan dan cabaran masa kini.

7. Pendalaman keyakinan atau komitmen terhadap potensi Islam sebagai penyelesaian dan penawar kepada segala penyakit individu dan masyarakat.³⁵

Perkembangan Islam yang agak menonjol ini semakin ketara apabila pihak pemerintah sendiri terlibat dalam proses memperkembangkan syiar Islam. Pokoknya peranan Islam dalam negara telah dimainkan sebaik mungkin oleh beberapa golongan sama ada dari kalangan individu, badan-badan kerajaan dan juga bukan kerajaan. Kegemilangan Islam di masa lalu telah digarapkan oleh badan-badan tersebut menyebabkan Islam terus berkembang dengan baik dan pesat di kalangan masyarakat bukan Islam di Malaysia.

Dalam arus perkembangan Dakwah Islamiyah yang pesat di Malaysia memang diakui telah ada kecenderungan daripada pihak kerajaan untuk melaksanakan pembangunan negara berteraskan Islam.

2.3 Islam Di Kelantan.

2.3.1 Sejarah Awal Kelantan.

Kelantan adalah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu atau Malaysia Barat. Ia terletak di antara garisan lintang 4° - 32° dan

³⁵ Muhamad Abu Bakar, (1993), *Selepas Kebangkitan Semula Islam ? Pengislaman dan Pendakwahan Masa Kini : Satu Overview - Dalam buku Gerakan Dakwah dan Orde Islam di Malaysia : Strategi Masa Depan*, Petaling Jaya, hal 2.

60-15' di utara dan garisan bujur 101-19' dan 102-37' di timur.³⁶ Di utara ialah Laut Cina , di timur ia dirangkaikan kepada Laut Cina dan negeri Terengganu, di selatan negeri Pahang dan di sebelah barat kepada negeri Perak dan wilayah Pattani di Selatan Siam. Keluasannya kira-kira 5,713 batu persegi.³⁷

Negeri ini mempunyai sejarah tersendiri yang begitu menarik dari sudut sumbangan kepada sejarah Malaysia dan dunia amnya. Dilihat dari beberapa aspek negeri ini merupakan negeri yang bertamaddun dan riwayat sejarahnya agak tua. Sejarah awal Kelantan boleh di bahagikan kepada beberapa peringkat perkembangan sebagaimana berikut :

a) Zaman Pra Sejarah.³⁸

Zaman ini adalah satu zaman yang mana Kelantan masih belum diberi nama tentang kewujudannya. Menurut para pengkaji, sejarah Kelantan pada peringkat awalnya telah menunjukkan tanah ini telah berpotensi sebagai pusat penyebaran kebudayaan kerana kedudukannya yang agak strategik, terletak di tengah-tengah perjalanan dari barat ke timur dan dari utara ke selatan.³⁹ Ternyata bahawa Kelantan zaman pra sejarah juga memperlihatkan ada tanda-tanda sebagai sebuah negeri yang

³⁶ De Moubray, G. A. de, (1973), **Annual Report On The Social And Economic Progress Of The People Of Kelantan For The Year 1936**. Hal 1.

³⁷ Arifin Bin Abd. Rashid, (1962), **Ringkasan Sejarah Kelantan**, hal. 7.

³⁸ Saad Shukri b. Hj. Muda, (1971), **Detik-Detik Sejarah Kelantan**, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 959.5 Saa, hal 13.

³⁹ Ibid, hal 13.

mempunyai potensi yang baik dalam beberapa aspek lain. Selain itu sejarah awal juga telah memberi gambaran tentang ketamaddunan masyarakat dahulu kala.

Buminya yang kaya juga merupakan tempat tumpuan manusia dari pelbagai pelusuk untuk datang dan membuat kediaman di sini dan dengan kedudukan strategiknya serta hasil kekayaan buminya, menyebabkan orang amat tertarik untuk datang ke sini, dengan inilah menyebabkan bumi Kelantan lebih awal dikenali dan menjadi tempat tumpuan.

b) Zaman Batu Pertengahan (Mesolithic).⁴⁰

Zaman ini hanya wujud dan berlangsung kira-kira 8,000 hingga 7,000 tahun sebelum masehi⁴¹ Melalui tanda-tanda dan bahan ukiran daripada batu yang ditemui telah menguatkan tanggapan bahawa Kelantan telah mempunyai penduduk dan kebudayaan. Bukti ini jelas di temui di gua Cha dan lembahan sungai Galas terutama di gua Madu.⁴² Sebagaimana yang diketahui bahawa masyarakat zaman ini telah menjalani kehidupan dengan memburu dan menangkap ikan dengan menggunakan peralatan yang diperbuat daripada batu, mereka juga pandai bercucuk tanam.

Budaya Mesolithic bukan sekadar diketemui di Kelantan malah kebudayaan seperti ini dijumpai di Vietnam. Menurut Madle Colony seorang pengkaji pra sejarah

⁴⁰Ibid, hal 13.

⁴¹Ibid, hal 14

⁴²Ibid, hal 14

Perancis telah membuat penyelidikan di Vietnam dan menjumpai kebudayaan ini dan tersebar ke tempat lain.⁴³

c) Zaman Batu Baru (Neolithic).⁴⁴

Zaman ini timbul dan lahir selepas berlaku serta berlalunya zaman Mesolithic. Setelah kehilangan zaman ini Kelantan telah menempoh zaman Neolithic. Satu revolusi besar telah berlaku dalam ketamaddunan manusia dari dua zaman ini. Yang mana masyarakatnya telah berubah dari aktiviti berburu kepada bercucuk tanam⁴⁵. Walaupun mereka masih menggunakan peralatan yang diperbuat daripada batu, namun buatan mereka telah berubah dan menjadi semakin halus. Penemuan alat-alat ini oleh Dr. G. de Sieveking sebagai lambang Neolithic telah ditemui di beberapa tempat seperti dilembah sungai Nenggiri dan di gua Madu.⁴⁶ Ini semua telah mengesahkan bahawa Kelantan telah mengalami dan melalui zaman ini lebih awal dari kawasan lain di semenanjung tanah Melayu.

d) Zaman Logam.⁴⁷

Setelah berlalunya Zaman Neolithic, maka munculnya zaman kebangkitan dan persiapan bagi Zaman Logam. Para pengkaji sejarah telah mengenal pasti dari bahan-

⁴³Ibid, hal 14.

⁴⁴Ibid, hal 15.

⁴⁵Ibid, hal 17.

⁴⁶Ibid, hal 17.

⁴⁷Ibid, hal 21.

bahan Logam yang telah ditemui mengatakan dan mengesahkan bahawa zaman ini adalah salah satu zaman yang menandakan kewujudan Kelantan dan membahagikan zaman ini kepada tiga bahagian. Pembagiannya adalah sebagaimana berikut :

- i) Zaman Tembaga.⁴⁸
- ii) Zaman Perunggu.⁴⁹
- iii) Zaman Besi.⁵⁰

Ketiga-tiga bahan sejarah ini telah menjadi bahan bukti yang kuat untuk mengesahkan tentang kewujudan Kelantan semenjak zaman berzaman. Antara bahan bukti yang terpenting dari Zaman Logam adalah penemuan berupa Pengerat loyang # , yang ditemui di Sungai Jenera# yang diperbuat dari Perunggu.

e) Zaman Megalithic.⁵¹

Kelahiran Zaman Megalithic setelah mana hilangnya Zaman Logam. Zaman ini dikenali dengan wujudnya bangunan-bangunan daripada batu besar yang berupa tugu-tugu yang menjadi lambang ataupun simbul bagi memperingati nenek moyang

⁴⁸Ibid, hal 21.

⁴⁹Ibid, hal 21.

⁵⁰Ibid, hal 21.

Acuan iaitu sarang membuat kueh yang diperbuat dari Tembaga Kuning.

* Kira-kira 20 batu ke Barat Bertam, pangkalnya menemui Sg. Nenggiri.

⁵¹Ibid, hal 21.

atau peristiwa-peristiwa besar yang lain atau lain-lain seperti yang terdapat di Bukit Marak, Bachok, Kelantan⁵².

Berdasarkan kepada perkembangan dari lima peringkat pra sejarah yang dilalui oleh Kelantan ternyata ia telah mengesahkan tentang kewujudan Kelantan semenjak zaman awal lagi. Memandangkan kepada keadaan yang wujud sahlah bahawa di bahagian Ulu Kelantan telah memegang peranan yang agak penting dalam menerima dan menyebarkan beranika ragam dan bentuk kebudayaan pada zaman silam dan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Kelantan adalah merupakan perhentian bagi lalulintas kebudayaan di dunia sebelah ini.

Selepas berlalunya lima peringkat pra sejarah ini, maka Kelantan telah beralih dan berpindah kepada keadaan yang lebih bertamaddun dengan terbentuk sebuah kerajaan melalui beberapa pemerintahan yang terkenal. Pemerintahan selepas zaman ini dikenali dengan nama kerajaan Sri Wijaya. Kerajaan ini telah wujud semenjak 500 tahun dan berakhir sekitar tahun 1450 M.⁵³ Ia berpusat di Kuala Krai.⁵⁴

Kerajaan Sri Wijaya telah memerintah Kelantan dalam tempoh yang lama, sehingga menjangkau lebih kurang 950 tahun dan telah mengalami kejatuhan berikutan kelemahan pentadbiran. Berikutan kejatuhannya, kerajaan Kelantan telah mengalami perubahan dan lahirlah pemerintahan yang dipimpin oleh beberapa orang

⁵²Ibid, hal 22.

⁵³Ibid, hal 25.

⁵⁴Ibid, hal 27.

Sultan yang menjadi lagenda sejarah seperti Sultan Iskandar Shah (1450 - 1465M),⁵⁵ Sultan Mansur Shah (1465 - 1526M),⁵⁶ Sultan Gombak (1536 - 1548M),⁵⁷ Sultan Ahmad (1548 - 1580M)⁵⁸, Sultan Hussin (1580 - 1610M),⁵⁹ Cik Siti Wan Kembang (1610 - 1677M)⁶⁰ dan lain-lain lagi sultan yang menjadi lambang kepada keutuhan pemerintahan awal kerajaan negeri Kelantan.

Namun begitu tidak terdapat fakta sejarah yang menyebut di kawasan mana Sultan-Sultan ini memerintah. Secara jelasnya bahawa mereka pernah memerintah di negeri Kelantan.

Pada tahun 1675, lahirlah pula pemerintahan baru yang dikenali dengan Raja Jembal dan Raja Kota Kubang Labu. Pada awal pemerintahan, kerajaan ini dipegang oleh Sultan Umar. Selepas tamat pemerintahan Sultan Umar ja diganti oleh Long Besar (1721 - 1733), Long Sulaiman (1733 - 1756), Long Pandak (1756 - 1758).⁶¹

Sebagaimana tercatat dalam sejarah apabila Long Pandak menaiki takhta Kota Kubang Labu, tidak lama kemudian telah berlaku beberapa peristiwa yang begitu menyayat hati dalam pemerintahan Kota Kubang Labu, yang mana Long Pandak telah membunuh Permaisuri (isterinya) kerana salah faham di atas sebuah kain selendang.

⁵⁵Ibid, hal 32.

⁵⁶Ibid, hal 32.

⁵⁷Ibid, hal 33

⁵⁸Ibid, hal 34.

⁵⁹Ibid, hal 34.

⁶⁰Ibid, hal 34.

⁶¹Ibid, hal 53.

Ini telah menimbulkan kemarahan Long Deraman (saudara Permaisuri). Akhirnya telah berlaku satu perperangan yang melibatkan di antara Long Deraman berpaktat dengan Long Jaafar (Sepupu Permaisuri) menyerang Long Pandak di Kota Kubang Labu yang menyebabkan Long Pandak terbunuh dalam perperangan tersebut.⁶² Keadaan ini telah menyebabkan pertukaran pemerintah silih berganti berlaku di negeri Kelantan. Ia juga telah memberi kesan yang mendalam kepada keadaan negeri Kelantan yang makmur. Ini menyebabkan masyarakat luar tertarik untuk datang ke negeri ini menjalankan urusan sama ada dalam perniagaan dan juga menyebarkan dakwah Islam.

2.3.2 Sejarah Kemasukan Islam di Kelantan.

Selepas beberapa peringkat perkembangan yang menarik dilalui oleh negeri Kelantan dengan pemeritahan yang ditadbir oleh beberapa orang Sultan yang terkenal, ini telah meletakkan Kelantan sebuah negeri yang menjadi perhatian dari pada jiran-jirannya. Jika dilihat dan ditinjau dari kenyataan-kenyataan lepas ternyata bahawa Kelantan mempunyai sejarah yang agak unik serta menarik dari sudut perkembangan ketamadunan masyarakatnya. Sebagaimana yang telah diketahui dari fakta-fakta sejarah apabila dilihat dari aspek perkembangan Islamnya ia merupakan salah satu tempat dan sebagai sebuah negeri yang terawal menerima Islam dan secara langsung telah cuba melaksanakan corak pemerintahan Islam melalui kekuasaan Sultan sebagai pemerintah negeri. Sejarah kedatangan Islam di Kelantan merupakan perkembangan

⁶² Alias Muhammad, (1977), **Intelijensia Melayu Kelantan : Satu Pandangan Awal**, hal 14

sejarah yang agak panjang dan menjadi daya tarikan para ahli sejarah untuk mengkajinya.

Negeri Kelantan juga merupakan antara negeri yang sudah lama terkenal terutama pada zaman kerajaan Champa. Pada abad ke 6 dan ke 7 Masihi, kerajaan ini terkenal sebagai Tan-Tan dan ada menjalin hubungan diplomatik dan persahabatan dengan kerajaan China Dinasti Liang di sekitar abad ke 6 dan ke 7 Masihi. Selain dari Terengganu, Kelantan juga merupakan sebagai pelabuhan penting di Pantai Timur Tanah Melayu sejak zaman berzaman, menjadi pelabuhan persinggahan pedagang-pedagang Islam sebelum tahun 577 Hijrah atau tahun 1181 Masihi lagi, kerana dalam tahun tersebut ternyata wujudnya sebuah kerajaan Islam di Kelantan.⁶³

Pernyataan sejarawan itu dapat dibuktikan dengan penemuan Wang Dinar di bekas tapak Kota Istana Kubang Labu pada tahun 1914. Di sebelah muka hadapan wang tersebut terdapat perkataan al-Mutawakkil dan bertarikh 577 Hijrah bersamaan 1181 Masihi dengan tulisan angka Arab. Walaupun sesetengah ahli sejarah mendakwa wang tersebut di bawa oleh pedagang-pedagang Arab ke negeri itu pada abad tersebut tetapi setidak-tidaknya menjadi bukti kuat adanya pedagang-pedagang Islam di daerah berkenaan. Ibn Batutah pengembara Arab dari Maroko yang singgah di “Kilu Kerai” dalam pelayarannya dari India ke China pada tahun 1345 Masihi, ada mengadap raja perempuan negeri itu, bernama “URDUJA”, raja tersebut dikatakan telahpun beragama Islam.⁶⁴ Ungkapan Kilu Kerai di percayai Kuala Krai di Kelantan.

⁶³Dr. Hj. Abdullah Ishak, (1992), **Islam Di Nusantara - Khususnya Di Tanah Melayu**, BAHEIS, JPM, Kuala Lumpur, hal 42.

⁶⁴Ibid, hal 42.

Kedatangan Islam ke Kelantan ada hubungannya dengan penerimaan Islam di Champa yang berlaku pada pertengahan abad ke 10 Masihi lagi. Para sejarawan bersepakat, bahawa hubungan antara dua buah kerajaan tersebut telah wujud sejak lama dahulu, sehingga kebudayaan negeri itu telah pun diresapi oleh kebudayaan Champa. Dengan itu sukar disangkal bila Champa menerima Islam besar kemungkinan ianya juga boleh mempengaruhi negeri Kelantan dalam perkara tersebut. Berdasarkan kepada beberapa fakta sejarah, situasi serta pengaruh kebudayaan, adalah boleh dikaitkan bahawa negeri tersebut, telah menerima Islam selewat-lewatnya sebelum atau pada abad ke 13 Masihi lagi. Namun demikian kemashur dan penonjolannya dikalangan para sejarawan Barat berlaku pada tahun 1506 Masihi, bila mana raja Melaka iaitu Sultan Mansur Shah menakluki negeri tersebut.⁶⁵

Agama Islam telah sampai ke Kelantan lebih awal daripada penaklukan Melaka ke atas Kelantan iaitu sebelum kurun ke-15M lagi. Berdasarkan kepada keterangan yang terdapat pada batu bersurat Terengganu, maka pengaruh Islam telah bertapak di timur laut satu abad lebih awal daripada bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu, kerana tahun yang tercatat di batu tersebut ialah 702 H bersamaan 1303 M.⁶⁶

⁶⁵ Ibid, hal 43

⁶⁶ Syed Naquib al-Attas, (1974), **The Correct Date of The Terengganu Inscription**, Kuala Lumpur, hal. 23

Kemasukan Islam, ke mana-mana negeri atau tempat merupakan satu era perubahan berlaku dalam berbagai aspek kehidupan. Begitu juga dengan bertapaknya Islam di bumi Kelantan telah memberi satu nafas baru kepada masyarakat yang mendiami Kelantan pada waktu itu. Peranan yang dimainkan oleh pemerintah-pemerintah begitu besar dalam memartabatkan Kelantan sebagai pusat penyebaran dan pendidikan Islam.

Penyebaran Islam terus berkembang pesat, berpusat di Kota Bharu iaitu ibu negeri Kelantan. Ia dikunjungi oleh ramai ulama dari merata tempat, di samping ia menjadi tempat orang ramai mencari ilmu agama sehingga ia pernah digelar “Serambi Mekah”⁶⁷ Serentak dengan perkembangan pengajian ilmu Islam inilah, banyak tertubuhnya pondok-pondok pengajian agama, sekolah-sekolah agama dan madrasah-madrasah hampir di serata negeri.

Agama Islam merupakan agama yang menjadi perhatian masyarakat Kelantan dan iaanya berkembang dengan pesatnya dalam abad ke 19, iaitu dalam pemerintahan Sultan Mahmud Kedua⁶⁸(1827 - 1886)⁶⁹ dan dalam zaman pemerintahan Sultan Mansur (1890 - 1899).⁷⁰ Undang-undang Islam telah wujud terutama ketika Pattani masih merupakan sebahagian dari Kelantan.⁷¹Hukum Islam telah dijadikan asas

⁶⁷Buku cenderamata Upacara Perasmian Pembukaan Kompleks Balai Islam oleh Kebawah Duli Yang maha Mulia al-Sultan Kelantan sempena perayaan Hari Ulangtahun Keputeraan ke-38, (April 1988), hal.15

⁶⁸Asal nama Sultan Muhammad kedua adalah gelaran bagi “Tuan Senik Mulut Merah” yang memerintah Kelantan.

⁶⁹Arifin bin Abd. Rashid, Op. Cit, hal 69.

⁷⁰Ibid, hal 84.

⁷¹Alias Muhammad, Op. Cit, hal 27.

pentadbiran kerajaan negeri Kelantan pada masa tersebut. Pada masa itu pihak berkuasa menggalakkan pelajar-pelajar menuntut ilmu di merata tempat termasuk di Timur Tengah terutama di Mekah dan di Mesir.

2.3.3 Pendidikan Islam di Kelantan Dan Tokoh-Tokoh Ulama'nya.

Kelantan yang di anggap sebagai sebuah negeri Melayu yang unik dan mempunyai sejarahnya tersendiri. Banyak tokoh-tokoh ulama' mahupun penyebar Islam yang telah lahir dalam kebangkitan Kelantan sebagai sebuah negeri yang terkenal dengan Islamnya. Kelahiran tokoh-tokoh ini banyak menarik minat para pengkaji sejarah untuk mengkaji pemikiran, ugama dan kebudayaan masyarakat yang tumbuh dan berkembang sejak beberapa abad yang lampau.

Tokoh-tokoh ini begitu berwibawa bagi merealisasikan hukum-hakam agama sebagai dasar kehidupan. Mereka adalah golongan yang begitu berperanan dalam usaha memberi sumbangan yang besar dalam penyebaran dan pengembangan Islam di Kelantan serta mendidik masyarakat Kelantan ke arah satu masyarakat yang berpendidikan agama dan mendalamai bidang hukum.

Bila diimbas kembali sejarah Kelantan semenjak dari dahulu lagi ternyata Kelantan telah melahirkan ramai tokoh-tokoh ulama atau pendakwah yang berkaliber. Kredibiliti, ketokohan para ulamanya dan kesinambungan ilmu yang diwariskan kepada generasi penyambungnya merupakan antara faktor utama menjadikan Kelantan mashyur sebagai pusat pendidikan ilmu-ilmu agama ketika itu. Keilmuan dan kealiman tokoh-tokoh ini yang kebanyakannya berlatar belakangkan pendidikan

dari Timur Tengah terutamanya Makkah dan India telah meletakkan mereka sebagai pemangkin dan nadi penggerak kepada perkembangan dan penyebaran ajaran Islam di bumi Kelantan.

Melihat kepada kitab-kitab yang digunakan dalam pendidikan dan pembelajaran agama di Kelantan dalam pelbagai bidang seperti Usuluddin, Fekah, Sejarah dan lain-lain, membuktikan bahawa Kelantan memberikan masyarakat Islam pembelajaran peringkat tinggi. Antara kitab yang menjadi teks pengajaran pada waktu itu ialah *Kitab Matla'in Badrain*, *Kitab Bughiatul Tullab*, *Kitab Musalli*(Fekah), *Kitab Faridatul Faraid*(Usuluddin), *Kitab Tafsir as-Saawi*, *Kitab Tafsir al-Jalalin*, *Kitab Tafsir Khaazin*, *Durratu Nasihin*, *Al-Yakutu An-Nasisi* dan lain-lain lagi.

Kita ambil beberapa contoh kepada beberapa orang tokoh yang memang tersohor di bumi Kelantan malah di alam Melayu Nusantara seperti Tuan Haji Ab. Samad Muhammad Salleh yang lebih dikenali dengan gelaran "Tuan Tabal" dilahirkan pada tahun 1840 - 1891, Haji Muhammad Yusuf Ahmad (Tok Kenali)1868 - 1933(19 Nov), Haji Wan Musa Wan Ab. Samad(1874 - 1939), Hj Nik Abdullah Hj. Wan Musa(1900 - 1935) dan Abdullah Syed Hassan bin Nur Hassan bin Mirza Shah bin Hubaid (Tok Khurasan) (- 1943) dan lain-lain lagi. Dengan kealiman dan kefahaman mereka dalam agama adalah merupakan aset utama kepada perkembangan Islam.⁷²

⁷²Nik Abd. Aziz b. Hj. Nik Hassan, (1977), **Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan – Sejarah Gerakan Dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam Di Jajahan Kota Bharu 1900-1940**, Pakatan Keluarga Tuan Tabal, Kota Bharu, hal 51.

Ketokohan yang dimiliki oleh mereka terutamanya dalam soal keilmuan agama bukanlah sekadar menunjukkan kebolehan malahan atas rasa keprihatinan dan rasa bertanggungjawab dalam mengajar, mendidik dan mentarbiah generasi-generasi baru. Kepesatan dan pengembangan Ilmu-ilmu agama menjadi sebab utama kenapa Kelantan diiktiraf sebagai salah satu pusat penyebaran Islam yang terpenting di rantau ini ketika itu. Mereka juga menukuhkan institusi-institusi pondok pengajian agama sebagai tempat untuk menyampaikan dan menyebarkan ilmu-ilmu agama. Ini semua berkaitrapat dengan dakwah islamiah.

Kemashuran institusi-institusi penyebaran ilmu terutama di pondok-pondok yang dikendalikan oleh para ulama tadi bukan sahaja menarik minat anak-anak tempatan untuk sama-sama menimba ilmu pengetahuan malahan dari luar kelantan juga. Kedatangan mereka ke Kelantan dikatakan bermula pada sekitar 1780an lagi sehingga sekarang. Ketika itu, ibu negeri Kelantan telah dipindahkan dari Kota Kubang Labu ke Kota Lama (Kampung Sireh) dan kawasan sekitarnya telah menjadi sebuah pusat pendidikan Islam yang terawal di Kelantan.⁷³

Kewibawaan Kelantan sebagai pusat pendidikan ilmu Islam bukan sahaja berlangsung pada peringkat awal tetapi berterusan hingga ke hari ini. Peranan yang dimainkan secara langsung oleh institusi-institusi pondok dan para ulama diteruskan ke peringkat yang lain pula yang mana selepas itu tertubuhnya madrasah-madarasah agama, sekolah-sekolah Arab dan jabatan-jabatan agama seperti Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) yang berperanan

⁷³ Abdul Halim Ahmad, (1982) **Pendidikan Islam Kelantan - Dalam Beberapa Aspek Warisan Kelantan**, PMNK, Kelantan, hal. 1.

memelihara dan mengawal selia nilai-nilai ajaran agama Islam. MAIK yang ditubuhkan pada 24 Disember 1915 melalui pengisytiharan oleh Kebawah Duli Yang maha Mulia Sultan Muhammad ke-IV.⁷⁴

Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan negeri-negeri lain seperti Kedah dan Terengganu juga turut mewarisi pengajian seperti itu, namun tumpuan utama adalah berpusat di Kelantan.⁷⁵

2.4 Sejarah Penyebaran Islam Di Kelantan.

Penyebaran Islam di Kelantan mempunyai sejarah tersendiri. Ini adalah Kesinambungan sejarah penyebaran Islam silam yang wujud semenjak zaman Nabi Muhammad s.a.w.

Kelantan memberi sumbangan yang besar kepada penyebaran dakwah islam di alam Melayu. Ini kerana ramai dari kalangan tokoh-tokoh ulama' yang datang dari Kelantan dan memainkan peranan besar terhadap perkembangan agama Islam kepada masyarakat setempat dan luar negeri. Pada peringkat awal penyebaran Islam di Kelantan boleh dikatakan hanya berlaku kepada masyarakat setempat yang telah

⁷⁴ Abdul Razak Mahmud, (1992), **Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Dalam Warisan Kelantan XI**, PMNK, Kota Bharu, hal. 1 (D959. 5121 War)

⁷⁵ Ibid, hal 1.

memeluk agama Islam dengan ertikata yang lain bagi mendidik kearah menjadikan mereka lebih memahami Islam.

Melalui penelitian penulis terhadap beberapa aspek persejarahan berhubung dengan perkembangan dan penyebaran Islam di Kelantan pada peringkat tahun 30an menampakkan bahawa kegiatan ini amat terbatas, walaupun pada masa yang sama terdapat ramai dari kalangan ulama'-ulama' yang berkalibar, namun dari segi sumbangan terhadap gerakan dakwah mahupun penyebaran Islam, mereka ini lebih menumpukan kepada penyebaran dalam bentuk pendidikan atau dengan lain perkataan sebagai dakwah dalaman melalui kelas-kelas agama di masjid seperti kelas agama yang dibuka oleh To Kenali, Tok Khurasan, Hj. Wan Musa dan beberapa orang ulama' lain. Ini menunjukkan bahawa gerakan penyebaran Islam hanya tertumpu kepada masyarakat Islam yang berminat untuk mendalami ilmu-ilmu agama. Ini kerana antara matlamat penyebaran begini adalah untuk melahirkan masyarakat yang alim dalam kitab-kitab agama tertentu dan kuat pula mengerjakan ibadah sehari-hari. Keadaan ini berkemungkinan kerana orang Melayu yang menjadi penduduk dan pemerintah telah memeluk Islam. Dalam keadaan ini tugas ini berlaku di sekitar mempertingkatkan kefahaman Islam masyarakat.

Dalam pada itu tidak boleh dinafikan bahawa penyebaran Islam melalui cara ini memang mendapat perhatian daripada masyarakat bukan Islam seperti Cina, India dan kaum-kaum lain, namun penerimaan mereka bukan atas dasar satu perancangan yang rapi dari mana-mana badan tetapi penerimaan mereka atas dasar anisiatif sendiri

setelah mana mereka menikmati suasana kehidupan yang tenang dan aman semasa kebangkitan pendidikan Islam.⁷⁶

Kelahiran golongan reformis seperti yang dimainkan oleh Datuk Hj. Muhd Said dalam mengislahkan pemikiran beragama masyarakat Kota Bharu melalui penerbitan majalah pengasuh⁷⁷ pada tahun 1918 selepas penubuhan MUIAIMK⁷⁸. Majalah ini sedikit sebanyak memberi sumbangan dalam pengenalan Islam dan ilmu-ilmunya kepada golongan masyarakat.

Penubuhan MUIAIMK pada penghujung tahun 1915 sangat berkait rapat dengan latar belakang sejarah pengajian Islam serta peralihan kuasa politik yang berlaku di negeri Kelantan pada dekad pertama abad ke-20.⁷⁹ Antara objektif penubuhan MAIK waktu itu memperlihatkan tidak memberi penekanan dalam dakwah kepada masyarakat bukan Islam, ini kerana pada peringkat awal penubuhannya hanya lebih menumpukan kepada aktiviti dalaman yang berkaitan dengan penubuhan sekolah-sekolah agama, pentadbiran urusan agama, menjaga agama Islam, mendaftar orang telah memeluk Islam dan sebagainya. MAIK menjalankan dakwah keluar terutama kepada masyarakat bukan Islam sekitar tahun 80an kerana dalam era ini MAIK telah menyusun jentera yang lebih efektif dan penekanan dakwah diberikan secara khusus adalah kepada masyarakat kaum Asli.

⁷⁶ Tembusul Dengan Othman b. Hj. Ibrahim, Pegawai Agama, Majlis Agama Islam Kelantan(MAIK), Pada 17 Februari, 2000.

⁷⁷ Majalah Pengasuh adalah Majalah kaum muda sebagai bahan bacaan kepada sebilangan kecil anggota masyarakat Kelantan.

⁷⁸ MUIAIMK – Nama rengkas kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada peringkat awal penubuhannya pada 24 Disember 1915 - sekarang MAIK.

⁷⁹ _____, (1997), Penubuhan Majlis 1915, Buletin MAIK, hal 4.

Berkemungkinan usaha kearah penyebaran Islam keluar atau kepada masyarakat bukan Islam tidak begitu aktif sebelum 80an adalah disebabkan jumlah bukan Islam di Kelantan agak kecil berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Manakala sebelum 1957 Malaysia, termasuk Kelantan masih di bawah kuasa-kuasa penjajahan dan usaha memperluaskan Islam adalah bercanggah dengan kepentingan dasar penjajah Inggeris. Lagipun sebahagian bukan Islam yang masuk di Malaysia termasuk Kelantan untuk memenuhi kepentingan ekonomi penjajah dan masyarakat bukan Islam diletak di kawasan yang terpisah dari komuniti Melayu. Cina dalam sektor perlombongan, India dalam sektor perladangan. Manakala sebelum 60an dakwah kepada komuniti Orang Asli pula memperlihatkan Malaysia menghadapi pemberontakan Komunis dan untuk mengelak agar Orang Asli tidak digunakan oleh Komunis, Orang Asli diawasi dan ditempatkan di perkampungan khas seperti Post Brook.

Penyebaran Islam kepada masyarakat bukan Islam terutama kaum India dan Cina secara jelasnya dimainkan oleh PERKIM berikutan penubuhannya kerana antara objektif penubuhan PERKIM di peringkat negeri Kelantan ialah menjalankan dakwah kepada orang Islam dan bukan Islam dengan cara berkesan dan positif, di samping mengusaha kebajikan mereka setelah memeluk Islam namun gerakan ini dikira baru kerana PERKIM ditubuhkan pada 24 Ogos, 1975.

DATA KAUM-KAUM LAIN YANG TELAH MEMELOUK ISLAM.

Bangsa	Tahun			Jumlah	
	1957-1990	91	92	93	
Cina	1129	36	41	32	1238
Asli	195	68	47	11	321
India	280	7	3	12	302
Siam	323	13	16	15	367
Lain-lain	241	33	24	30	301
Jumlah Besar	2141	157	131	100	2529 Orang

Berdasarkan kepada perangkaan yang ditunjukkan memperlihatkan bahawa walaupun dikatakan PERKIM baru dalam bidang dakwah kepada bukan Islam namun data menunjukkan masyarakat bukan Islam memeluk Islam sudah ada semenjak zaman merdeka lagi.

Dalam era penyebaran Islam dalam tahun 60an ada berlaku sedikit perubahan. Ada tercatat dalam fakta persejarahan mengenai pemelukan Islam masyarakat Cina. Menurut catatan Temubual Dengan Saudara Hj. Muhammad b. Sulaiman, bahawa Tok Guru Hj. Hassan Ketereh telah mengambil seorang Cina yang telah memeluk Islam sebagai anak angkat dan tinggal bersamanya. Ini adalah salah cara berdakwah bagi menjaga akidah kaum lain yang memeluk Islam dari terjerumus balik ke agama asal.

Dapat disimpulkan disini bahawa penyebaran agama Islam di Kelantan mempunyai peringkat sejarahnya tersendiri yang bermula dengan peranan pedagang orang-orang Arab Islam yang telah menyebarkan Islam di kalangan masyarakat Melayu, golongan rakyat dan kaum bangsawan. Ini telah bermula bersama kehadiran pedagang Arab ke negeri ini sejak kurun ke 7 atau ke 8 M. dan pada sekitar tahun

577/1181 atau sebelumnya telah terbentuk pemerintahan Islam di Kelantan dan Orang Melayu seluruh telah menjadi penganut Islam. Berikut itu tumpuan dakwah berlaku sekitar dakwah dalaman yang dimainkan oleh ulama'-ulama' kepada aspek pendidikan melalui institusi Pondok dan Sekolah. Tempoh ini dakwah keluar agak terhad dan dijalankan secara individu hingga Malaysia mencapai kemerdekaan dan Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tuku Abd. Rahman mengambil anisiatif dengan menubuhkan PERKIM di peringkat pusat. Penubuhan peringkat negeri Kelantan pada 1975 memulakan era baru bagi penyebaran Islam untuk masyarakat bukan Islam. Serentak dengan tempoh itu pertubuhan dan institusi lain seperti ABIM dan MAIK ikut aktif untuk tujuan ini.

2.5 Pengaruh Islam Di Kalangan Masyarakat Kelantan.

Sejarah telah membuktikan bahawa Kelantan merupakan sebuah negeri yang mengamalkan pemerintahan berdasarkan kepada undang-undang Islam semenjak beberapa abad yang lampau. Peranan yang dimainkan oleh ulama' serta kecenderungan pemerintah dalam memperkembangkan Islam telah meletakkan Kelantan sebagai sebuah negeri yang disegani dan mendapat perhatian yang meluas sama ada dari masyarakat Kelantan sendiri maupun masyarakat luar yang datang ke Kelantan. Mereka telah meletakkan sepenuh kepercayaan kepada Kelantan sebagai satu-satunya negeri yang menjadi pusat penyebaran ilmu agama dan Islam di negara ini pada masa itu. Pengaruh Islam yang ada telah menyerap ke dalam jiwa masyarakat Kelantan melalui pengajaran-pengajaran agama yang telah disampaikan oleh ulama'-ulama' yang terkenal dengan keilmuan dan kealiman mereka dalam bidang agama.

Mereka ini telah meninggalkan pengaruh yang mendalam kepada masyarakat
kelantan sama ada dari aspek politik, pendidikan atau Sosial.

